

Headline	Hebahkan secara meluas: Exco
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)
Date	20 Mar 2017
Section	News
Page No	37
Language	Malay
Journalist	NUR SHARIEZA ISMAIL
Frequency	Daily



Hebahkan secara meluas: Exco

Masih ramai tidak tahu ada unit Bumiputera dibuka untuk jualan disebabkan maklumat tidak sampai

NUR SHARIEZA ISMAIL

SEREMBAN - Pemaju perumahan di negeri ini perlu memperluaskan maklumat rumah yang dijual terutama unit Bumiputera menerusi media sosial.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias berkata, langkah itu perlu bagi memastikan maklumat sampai kepada orang ramai.

Beliau berkata, sebelum ini maklumat mengenai unit Bumiputera hanya diuar-uarkan menerusi media cetak, iklan dan risalah, bagaimanapun ramai mengadu kaedah berkenaan tidak cukup untuk maklumat sampai kepada orang ramai.

"Jadi saya mencadangkan kepada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) Negeri Sembilan dan pemaju perumahan supaya menggunakan media sosial Facebook, Twitter, blog dan laman web.

"Apabila maklumat meluas, ia juga boleh membantu pemaju dan kerajaan. Tidak ada lagi alasan mereka tidak tahu mengenai unit-unit yang ada untuk dijual menerusi projek perumahan yang dibina di beberapa kawasan," katanya.

Menurutnya, terdapat lebih 1,000 unit Bumiputera sudah siap di negeri ini dan bakal dilancarkan dengan jumlah keseluruhan hampir RM1 bilion, bagaimanapun

ia tidak terjual.

"Unit perumahan tidak dijual kebanyakan melibatkan projek perumahan di kawasan bandar berbanding luar bandar.

"Rumah mampu milik di bawah type A berharga RM80,000 tidak mendatangkan masalah, sebaliknya yang menjadi masalah rumah type B yang berharga RM250,000 dan type C berharga RM400,000. Unit itu tidak dapat dijual disebabkan masalah pembiayaan pinjaman perumahan yang terpaksa dihadapi pembeli," katanya pada sidang media selepas melancarkan Bumiputera Ekspo Hartanah

Malaysia (Bumi Mapex 2017) di Seremban Prima, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Rehda, Datuk Sivanyanam dan Pengerusi Cawangan, Jenny Wang Lee Peng.

Sementara itu, Jalaluddin berkata, masalah timbul apabila institusi kewangan memperketat syarat pinjaman perumahan.

"Hampir 75 peratus permohonan tidak diluluskan. Apabila perkara ini berlaku, ia mendatangkan masalah kepada pemaju.

Menurutnya, keperluan untuk memiliki rumah dalam kalangan golongan muda juga semakin mendesak terutama Bumiputera berusia 40 ke bawah kerana rata-ratanya sukar mendapat pinjaman.



Jalaluddin (tengah) membuat lawatan ke pameran Bumi Mapex 2017 Di Seremban Prima, semalam.